



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) merupakan sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan yang antara fungsinya bagi menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau terhadap agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, 2009. Suruhanjaya mempelawa warganegara Malaysia yang berintegriti dan berkecenderungan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya ini.

Kelayakan:

1. Warganegara Malaysia.
2. Calon-calon lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

PEGAWAI UNDANG-UNDANG/PEGAWAI TADBIR GRED L41/N41

Skim Perkhidmatan	:	Pegawai Undang-Undang/Pegawai Tadbir
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perundangan Dan Kehakiman/ Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan & Profesional
Gred Gaji	:	L41/N41
Taraf Jawatan	:	Tetap
Jadual Gaji (Min - Max)	:	L41 - RM2,418.00 – RM9,607.00 N41 - RM2,080.00 – RM9,546.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM225.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	:	RM300.00
Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	:	RM300.00
Bantuan Sara Hidup (BSH)	:	RM300.00
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)	:	5% daripada gaji pokok (<i>Skim L sahaja</i>)

SYARAT LANTIKAN

(a) Pegawai Undang-undang

- (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00]; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination).
[Gaji Permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00]

(b) Pegawai Tadbir

- (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
[Gaji Permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00]
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43]

- (c) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DISKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab untuk melaksana dan mengendalikan tugas-tugas yang melibatkan aspek siasatan, perisikan, pendidikan masyarakat, pemeriksaan dan perundingan, perundangan, penyelidikan dan perancangan, Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan Jawatan EAIC** yang boleh dimuat turun di laman web EAIC di www.eaic.gov.my.
2. Semua permohonan hendaklah disertakan gambar terbaru dan salinan Resume/ Ijazah/ Diploma/ Sijil-Sijil/ Surat Beranak/ Salinan Kad Pengenalan yang **telah disahkan**;
3. Permohonan hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat; dan
4. Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan salinan buku perkhidmatan dan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 3 tahun terakhir (2017, 2018 dan 2019).

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**SETIAUSAHA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
NO.18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 27 JANUARI 2020 (ISNIN)

Sekiranya tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.